AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 18 PRINTED SIZE: 192.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,883.00 ITEM ID: MY0055569831



13 SEP, 2023

Bekalan beras pulih dalam sebulan

SelangorKini, Malaysia

Bertambah di pasaran

Bekalan beras pulih dalam sebulan

SHAH ALAM - Pengeluaran beras putih tempatan di seluruh negara dijangka pulih dalam tempoh sebulan menerusi program khas Beras Putih Tempatan (BPT).

Menteri pertanian dan keterjaminan makanan berkata pihaknya mengambil beberapa langkah termasuk meminta pengilang meningkatkan 20 peratus bekalan di pasaran bagi penyelesaian jangka pendek.

Datuk Seri Mohamad Sabu berkata sesi libat urus dibuat dengan pemegang taruh dalam industri padi dan beras bagi membincangkan kaedah memulihkan pengeluaran, lapor Bernama.

"Menerusi sesi itu, kementerian akan menerangkan kaedah dan mekanisme berkaitan bekalan beras tempatan negara, meliputi penyelesaian jangka sederhana dan panjang," katanya.

Beliau mengulas strategi untuk memulihkan pengeluaran beras putih tempatan selepas meninjau bekalan berkenaan di Giant Tampoi, Johor Bahru pada 5 September.

Mohamad Sabu berkata inisiatif Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) Mini Sekinchan dijangka memulihkan pengeluaran berikutan projek itu menghasilkan 11 metrik tan padi setiap sehektar.

Beliau juga menjelaskan usaha berkenaan dapat memulihkan pengeluaran beras berikutan permintaannya meningkat susulan peningkatan harga beras import.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: NEWS PAGE: 18 PRINTED SIZE: 192.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 1,883.00 ITEM ID: MY0055569831



13 SEP, 2023

Bekalan beras pulih dalam sebulan

SelangorKini, Malaysia

SUMMARIES

Bertambah di pasaran

SHAH ALAM - Pengeluaran beras putih tempatan di seluruh negara dijangka pulih dalam tempoh sebulan menerusi program khas Beras Putih Tempatan (BPT). Menteri pertanian dan keterjaminan makanan berkata pihaknya mengambil beberapa langkah termasuk meminta pengilang meningkatkan 20 peratus bekalan di pasaran bagi penyelesaian jangka pendek.Datuk Seri Mohamad Sabu berkata sesi libat urus dibuat dengan pemegang

taruh dalam industri padi dan beras bagi membincangkan kaedah memulihkan pengeluaran, lapor Bernama.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.